



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENYEBARAN MAKLUMAT PALSU

1. Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) ingin memaklumkan kepada orang ramai tentang pengedaran dokumen palsu yang menggunakan logo Kementerian ini. Dokumen palsu itu telah menyatakan bahawa sumbangan wang tunai kepada Tabung Kemanusiaan Palestin di Gaza boleh dibuat kepada Kelab/Persatuan Motorsikal Bebas, Negara Brunei Darussalam.
2. Pihak MOFE menegaskan bahawasanya adalah menjadi satu kesalahan bagi menyebarkan maklumat palsu di bawah Bab 34, Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148, yang mana individu yang didapati menyebarkan berita palsu secara lisan, bertulis atau dengan apa jua cara lain dan seterusnya menyebabkan ketidaktenteraman orang ramai, boleh dikenakan denda sebanyak B\$3,000 dan penjara selama 3 tahun. Seterusnya, Kementerian ini juga menekankan bahawa penggunaan logo mana-mana Agensi Kerajaan tanpa kebenaran adalah satu kesalahan berat. Barang siapa yang menipu dengan menyamar, jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 7 tahun dan didenda di bawah Bab 419 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.
3. Bagi kes penyebaran maklumat palsu ini, laporan kepada pihak berkuasa telah dilaksanakan bagi tujuan tindakan siasatan. Dikesempatan ini, pihak orang awam adalah dinasihatkan untuk menghubungi Unit Korporat Komunikasi, MOFE melalui talian 2380999 atau melalui email pr@mofe.gov.bn jika terdapat maklumat yang mencurigakan.

###



TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA 2023 - 2024

1. Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 - 2024 telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai platform bagi orang ramai untuk menyumbangkan derma berbentuk kewangan bagi membantu meringankan beban serta penderitaan yang dihadapi oleh rakyat Palestin di Gaza.
2. Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 - 2024 telah dibuka kepada orang ramai selama 1 tahun bermula 18 Oktober 2023 hingga 18 Oktober 2024. Tabung ini merupakan sebuah platform yang disediakan oleh pihak Kerajaan untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk menyumbangkan derma berbentuk kewangan secara langsung dan membolehkan pelbagai pihak menganjurkan aktiviti-aktiviti amal dan kebajikan bagi tujuan kutipan derma tersebut.
3. Selain itu, orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan juga boleh menderma secara tunai kepada **Kelab / Persatuan Motorsikal Independent, Brunei Darussalam**.
4. Jawatankuasa Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 - 2024 ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua penderma di negara ini di atas keprihatinan dan sumbangan derma yang telah dihulurkan kepada tabung tersebut.

Tarikh : 10 Rabiulakhir 1445H / 15 Oktober 2023M

Rujukan : MOFE/DONATION/3

Disediakan oleh:

Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam
Tarikh: 21 September 2024